

MRT SBK fasa kedua sedia beroperasi

➔ Jajaran 31 stesen, termasuk tujuh bawah tanah pelengkap lingkaran pengangkutan awam

Oleh Luqman Arif
Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Selepas enam tahun kerja pembinaan, laluan Transit Aliran Massa (MRT) Sungai Buloh-Kajang (SBK) sejauh 51 kilometer kini meniti fasa akhir, sebelum fasa kedua membabitkan laluan Semantan ke Kajang dibuka kepada orang ramai, Isnin ini.

Fasa pertama membabitkan laluan Sungai Buloh ke Semantan beroperasi pada Disember 2016.

Jajaran merangkumi 31 stesen, termasuk tujuh stesen bawah tanah itu disifatkan sebagai pelengkap lingkaran pengangkutan awam, sekali gus melonjak liputan rangkaian rel untuk penduduk zon utara dan selatan bandar raya ini.

Pengarah Projek MRT Corp Laluan SBK, Marcus Karakashian, berkata sistem pengangkutan awam terkini itu memberi pelbagai cabaran, termasuk dalam meneliti beberapa faktor ketika mengendalikan pembinaan stesen bawah tanah.

“Stesen Muzium Negara mempunyai cabaran tersendiri apabila kontraktor harus mengambil kira nilai khazanah yang tersimpan dalam bangunan berkenaan ketika menentukan kedalaman platform bawah tanah.

“MRT laluan SBK ini juga melakar rekod baharu apabila eskalator yang dibina di Stesen Bukit Bintang yang terpanjang di Malaysia, iaitu membabitkan jarak 20 meter dan setinggi tiga tingkat.

“Kemudahan awam yang bakal menjana manfaat kepada lebih 1.2 juta penduduk di sepanjang laluan



Pengarah Komunikasi Strategik dan Hubungan Pihak Berkepentingan MRT, Datuk Najmuddin Abdullah (kanan) dan Karakashian pada sesi tinjauan dan taklimat MRT Corp, semalam.

SBK ini meniti fasa akhir dan akan beroperasi sepenuhnya selepas dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, pada 17-Julai ini,” katanya dalam sesi penerangan kepada media, semalam yang kemudian di bawa meninjau stesen Muzium Negara, Bukit Bintang dan Pasar Seni.

Stesen pertukaran

Karakashian berkata, stesen pertukaran menerusi stesen yang dibina pada fasa kedua pula membabitkan Muzium Negara, Pasar Seni, Merdeka, Maluri dan Kajang.

Katanya, semua hentian itu mempunyai sambungan kawasan berbayar antara dua atau lebih stesen, justeru pengguna tidak perlu keluar atau membeli tiket baharu ketika menukar perkhidmatan rel lain.

“Kita menyediakan tujuh kemudahan letak kereta yang akan dibuka pada 17 Julai ini seperti di

Stesen Maluri, Taman Midah, Taman Suntext, Bandar Tun Hussein Onn, Bukit Dukung, Sungai Jernih dan Phileo Damansara.

“Pengguna MRT akan menikmati caj istimewa berdasarkan transaksi kad Touch ‘n Go (TnG) dan MyRapid, berbanding orang awam yang hanya meletakkan kenderaan mereka di sini,” katanya.

Mengulas perjalanan majlis perasmian, Karakashian berkata, upacara penyerahan hak operasi kepada Rapid Rail, iaitu anak syarikat Prasarana Malaysia Bhd akan dilakukan pada hari sama.

Sehubungan itu katanya, setiap isu berhubung operasi rel akan dikendalikan sepenuhnya oleh Prasarana menerusi Rapid Rail, manakala MRT Corp bakal memberi tumpuan kepada pembinaan jajaran Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

Info

MRT

- ➔ **4,861 ruang** tempat letak kereta di 9 kompleks bertingkat
- ➔ **1,007 ruang** tempat letak motosikal di 5 kompleks bertingkat
- ➔ **RM4.30 sekali** masuk untuk caj tempat letak kereta bagi pengguna MRT
- ➔ **RM1.10 sekali** masuk untuk caj tempat letak motosikal bagi pengguna MRT
- ➔ **Bayaran mengikut** jam untuk pengguna lain
- ➔ **84 minit** perjalanan dari Sungai Buloh ke Kajang
- ➔ **Beroperasi dari** jam 6 pagi hingga 12 tengah malam
- ➔ **4 minit kadar kekerapan** pada waktu puncak (7 pagi - 9 pagi dan 5 petang - 7 malam)
- ➔ **7 hingga 15 minit** kadar kekerapan luar waktu puncak